

BAB KEEMPAT  
RUMUSAN DAN CADANGAN

Di dalam kajian ini penulis mendapati bahawa bahasa Arab telah sampai ke kepulauan Melayu khususnya negeri Kelantan bersama-sama dengan kedatangan Islam lagi. Sejak itu bahasa Arab telah diajar bersama-sama ajaran Islam sama ada di rumah-rumah, madrasah-madrasah, pondok-pondok dan lain-lain.

Lumrahnya sesuatu yang bermula itu bermula dengan kecil, semudianya terus membesar dan berkembang. Begitu juga keadaannya engan bahasa Arab di negara ini. Pada peringkat awalnya engajaran bahasa Arab hanya terbatas kepada bacaan-bacaan yang iperlukan untuk menunaikan ajaran-ajaran agama, seperti bacaan-acaan untuk melengkapkan rukun-rukun dan syarat sembahyang yang erdiri dari al-Fatihah dan lain-lain. Seterusnya berkembang epada mempelajari Al-Quran sepenuhnya sehingga hinggalah kepada mempelajari tafsir Al-Quran dan segala ilmu yang berkaitan.

Perkembangan ini sesuai dengan perkembangan institusi-institusi pengajian Islam itu sendiri yang mana ianya bermula dari rumah-rumah kepada surau-surau dan seterusnya kepada senubuhan pondok-pondok, sekolah hingga hinggalah kepada universiti.

Kelahiran sistem pengajian Islam yang berupa sistem pondok telah memberikan kesan yang positif di dalam melahirkan tokoh-

okoh agama yang dapat menguasai bahasa Arab yang berperanan menyebarkan bahasa Arab dan pendidikan Islam itu sendiri.

Sebelum merdeka institusi pondok telah tumbuh bagaikan sendawan disebabkan minat masyarakat pada masa itu terhadap pendidikan Islam begitu tinggi.

Pembelajaran bahasa Arab melalui persekolahan mula berkembang selepas penubuhan Majlis Agama Islam pada tahun 1915M. Seterusnya pengajian bahasa Arab terus berkembang dengan tertubuhnya Madrasah Muhammadiah pada tahun 1937.

Menjelangnya kemerdekaan banyak sekolah-sekolah agama telah ditubuhkan. Kebanyakan sekolah agama ini didirikan persebelahan pondok-pondok dan dikendalikan oleh tok-tok guru yang sama. Akhirnya sistem pengajian pondok kurang diminati di mana masyarakat tempatan mula menghantar anak-anak mereka untuk belajar di sekolah agama dan bukan lagi di pondok-pondok. Keadaan ini menyebabkan sistem pengajian pondok mula pupus.

Kedudukan pembelajaran bahasa Arab di sekolah-sekolah agama pada peringkat awal penubuhan sekolah ini adalah kurang memuaskan. keadaan ini mempunyai kaitan secara langsung dengan keadaan sekolah-sekolah tersebut yang rata-rata mempunyai berbagai masalah, seperti kewangan, kelemahan pengurusan dan pentadbiran, sistem pengajian yang tidak selaras dan lain-lain lagi.

Walau bagaimanapun pencapaian pelajar di masa itu adalah membanggakan berbanding dengan pelajar-pelajar masa kini. Ini

erbukti dengan kebanyakan pelajar dahulu mampu mendiskripsikan rat-ayat di dalam bahasa Arab dengan baik, berbanding dengan pelajar-pelajar bahasa Arab pada hari ini kurang mampu untuk berbuat demikian.

Sehubungan dengan ini banyak pihak mempersalahkan sistem campuran - akademik dan agama - telah menyebabkan prestasi menguasaan bahasa Arab di kalangan pelajar agama menurun. Ini adalah kerana masa pengajian terpaksa dikongsi secara samarata untuk kedua-dua aliran ini. Adapun sistem lama, memperuntukan asa lebih banyak kepada pengetahuan agama Islam yang bahasa engantarnya terdiri dari bahasa Arab. Selain dari itu pelajar juga dibebani dengan banyak mata-pelajaran.

Selain dari itu sistem pelajaran campuran ini telah menyebabkan minat pelajar berbelahbagi. Ada di antara mereka hanya memberikan penekanan kepada pelajaran akademik sahaja tanpa mengabaikan mata-pelajaran agama dan Bahasa Arab.

Sepertimana yang telah dinyatakan di dalam bab ketiga, hasil dari soal selidik yang telah dijalankan di dapati bahawa pembelajaran bahasa Arab di peringkat sekolah menengah di negeri Kelantan pada masa ini menghadapi berbagai masalah. Ini telah menyebabkan kepada terjejasnya kemampuan pelajar di dalam menguasai bahasa ini. Seterusnya pelajar-pelajar berkenaan akan membawa bersama mereka masalah ini untuk melanjutkan pelajaran mereka ke institusi-institusi pengajian tinggi.

Di sini penulis akan cuba memberikan pandangannya ke arah mengatasi masalah yang dihadapi. Sehubungan ini penulis tidak

can menyentuh sesuatu yang berkaitan dengan dasar pendidikan atau falsafah pendidikan yang berkaitan dengan bahasa Arab. Penulis juga tidak akan memberikan cadangan-cadangan yang emerlukan kepada perbelanjaan yang besar atas kesedaran bahawa asalah kewangan adalah merupakan suatu masalah yang sukar di tasi. Ini bersetujuan dengan falsafah pendidikan Islam itu sendiri yang tidak menjadikan perbelanjaan yang besar itu sebagai alasan untuk mengatasi sesuatu masalah.

Pada kebiasaan di dalam mana-mana seminar atau bersidangan para peserta akan bersepakat untuk mendesak pihak tertentu khususnya kerajaan untuk melaksanakan itu dan ini tanpa melihat kepada kemampuan yang ada. Umpamanya di dalam memberikan cadangan atau resolusi ke arah menyelesaikan masalah di dalam pembelajaran bahasa Arab, resolusi mereka biasanya berbunyi begini: "Kerajaan hendaklah mengimport guru-guru bahasa Arab yang terbaik dari negara-negara Arab dan kerajaan hendaklah mengadakan makmal bahasa yang dilengkapkan dengan berbagai peralatan termoden, dan.....". Cadangan yang tidak berasaskan kepada realiti dan kemampuan ini akan menyebabkan ianya menjadi cadangan tanpa diberi perhatian.

Sebaliknya apa yang akan dikemukakan oleh penulis di sini adalah berlainan, yang mana ianya perlu kepada perhatian semua pihak yang terlibat di dalam pembelajaran dengan sama-sama memberikan kerjasama yang ikhlas tanpa satu pihak menyalahkan pihak yang lain. Sebagai seorang Islam matlamat tertingginya di dalam sesuatu pekerjaan - termasuklah pembelajaran bahasa Arab

- adalah untuk mendapatkan keredhaan dari Allah s.w.t.

Ke arah tercapainya matlamat ini setiap orang, tidak kira ianya seorang pelajar, seorang guru, seorang pengetua, seorang nazir maupun pengarah pelajaran, hendaklah tahu hak dan tanggung jawab masing-masing, seterusnya melaksanakanya sepertimana yang telah diamanahkan kepadanya serta menepati dengan kehendaki oleh Allah s.w.t. sepertimana firmanNya:

فَلَيَوْزَدَ اللَّهُ أَوْتُمْنَ أَمْسَكَهُ<sup>1</sup>

Maksudnya: "Seseorang yang diberi amanah itu hendaklah menunaikan amanahnya".

Sepertimana yang telah disebutkan sebelum ini bahawa terdapat berbagai masalah di dalam pembelajaran bahasa Arab di peringkat sekolah menengah di negeri Kelantan yang melibatkan berbagai pihak dan berbagai aspek seperti pelajar, guru, buku teks, pengurusan dan lain-lain. Berikut ini penulis memberikan cadangannya di dalam mengatasi masalah-masalah yang tersebut:

#### 1- Masalah Kurang Minat Dan Motivasi

Masalah kurang minat ini dapat dilihat apabila didapati tiada seorang pun di kalangan responden yang menjadikan bahasa Arab sebagai bahasa harian (jadual 1), pada keseluruhannya responden menggunakan bahasa Malaysia. Walaupun telah mempelajari

---

<sup>1</sup>

Al-Quran, surah al-Baqarah 2:283.

bahasa Arab tidak kurang dari lima tahun. Lebih ketara lagi responden pada keseluruhannya tidak juga menjadikan bahasa Arab sebagai bahasa kedua. Hanya 7% sahaja yang menjadikannya sebagai bahasa kedua (jadual 2). Walaupun di rumah terdapat 44% responden mempunyai seseorang yang boleh berbahasa Arab, sama ada ibu, bapa, adik beradik dan lain-lain - (jadual 3). Mereka tetap tidak berminat untuk menggunakan bahasa Arab di rumah. Sepatutnya mereka yang belajar di sekolah Arab dengan minat sendiri sebanyak 59% (jadual 6) ini menggunakan bahasa Arab. Tambah lagi bagi mereka yang telah mencapai peringkat 'memuaskan' iaitu sebanyak 67% (jadual 7). Walaupun sejumlah 84% (jadual 8) menyatakan mereka meminati bahasa Arab, tetapi mereka ini tidak langsung mempratikkannya.

Selain dari itu dengan kurangnya minat di dalam mempelajari bahasa Arab di dapati ramai di kalangan pelajar tidak cuba mengambil daya usaha sendiri untuk mengatasi masalah masalah pembelajaran mereka. Sebagai contoh, hanya 38% responden sahaja yang mengikuti kelas tambahan bagi mata-pelajaran bahasa Arab (jadual 20), 48% responden sahaja yang menjadi ahli persatuan bahasa Arab (jadual 21) dan 13% responden langsung tidak melakukan sebarang usaha untuk meningkatkan mutu pembelajaran mereka, dengan anggapan bahawa apa yang diajar oleh guru di dalam kelas itu sudah memadai.

Pada keseluruhannya responden sedar tentang kepentingan bahasa Arab kepada mereka sebagai seorang Islam. Walau bagaimanapun apa yang kurang pada mereka ialah semangat dan kekuatan untuk melaksanakannya.

Jadi apa yang perlu dilakukan ke atas pelajar-pelajar yang berkenaan ialah dengan memberikan bimbingan dan khidmat nasihat yang berterusan tentang kepentingan bahasa Arab ini, sama ada di dalam bidang keagamaan maupun sebagai satu bidang kerjaya. Ini adalah sepertimana yang telah disebutkan di dalam bab pertama.

Di dalam usaha ke arah meningkatkan minat pelajar di dalam mempelajari bahasa Arab, di dalam masa yang sama juga motivasi mereka dapat ditingkatkan. Peranan ini hendaklah dimainkan oleh guru, ibu-bapa, kawan-kawan dan lain-lain lagi.

Ini adalah sesuai dengan firman Allah s.w.t. yang memerintahkan manusia supaya saling ingat memperingati antara satu sama lain, di dalam firmanNya:

وَذِكْرُ فِي الْأَذْكُرِ تَعْفَعُ الْمُؤْمِنُونَ

Maksudnya: "Ingat memperingatilah, kerana peringatan itu memberi <sup>1</sup> manfaat kepada orang-orang mukmin".

Di dalam meningkatkan motivasi pelajar di dalam mempelajari bahasa Arab, beberapa perkara tentang faedah mempelajari bahasa Arab sama ada faedah jangka pendek, faedah jangka panjang, matlamat terdekat hingga ke matlamat tertinggi perlulah selalu diperingatkan kepada mereka. Galakan melalui galakan kerohanian di dapati lebih berkesan daripada galakan kebendaan. Ini terbukti dengan kejayaan orang-orang di zaman silam hanya berdasarkan kepada kerohanian semata-mata.

---

1

Al-Quran, surah Al-Zariyat 51:55.

Walau bagaimanapun peranan kebendaan tidak dinafi akan cepentingannya.

## 2- Guru

Kebanyakan responden telah memberikan berbagai cadangan yang berkaitan dengan pengajaran yang dijalankan oleh guru bahasa Arab di sekolah mereka. Cadangan-cadangan yang diberikan adalah merangkumi berbagai aspek, seperti penggunaan bahasa Arab sebagai bahasa pengantar, ruang untuk bertanya, pengajaran yang tidak sistematik, penterjemahan yang kurang jelas, tidak banyak menggunakan alat bantu, pengajaran yang membosankan dan beberapa perkara lain lagi.

Setelah diteliti penulis mendapati punca kepada masalah di atas ialah:

Pertama: Kerana ramai guru-guru yang tidak terlatih serta guru-guru yang penghususannya bukan di dalam jurusan bahasa Arab telah diambil untuk bertugas, kebanyakannya sebagai guru sementara dan diberi tanggungjawab untuk mengajar bahasa Arab, terutama sekali di sekolah-sekolah menengah agama di bawah Yayasan Islam Kelantan.

Dengan peruntukan kewangan yang ada Yayasan Islam Kelantan tidak berupaya untuk mengadakan guru-guru yang terlatih serta yang mempunyai jurusan berkaitan dengan sertamerta. Dengan demikian pengambilan guru-guru terlatih dilakukan secara berperingkat-peringkat. Jadi masalah ini dijangka akan dapat diatasi di masa-masa yang akan datang.

Kedua: Ialah perkara-perkara yang berkaitan dengan sikap guru itu sendiri yang tidak menghormati kerjayanya sebagai seorang guru. Seperti tidak cuba berusaha untuk mengatasi kelemahan yang ada pada diri mereka, dan tidak cuba meningkatkan mutu pengajaran, serta tidak menjalin persefahaman yang baik dengan pelajar. Hal-hal yang demikian ini banyak memberikan kesan yang negatif di dalam pembelajaran.

Di dalam mengatasi masalah ini penulis mencadangkan supaya guru-guru berkenaan diberikan khidmat nasihat melalui kursus-kursus yang tertentu agar mereka lebih mampu menjalankan kerjaya mereka sebagai seorang guru, khususnya yang berkaitan dengan pengajaran bahasa Arab. Kursus-kursus seumpama itu bolehlah diadakan di hujung-hujung minggu ataupun semasa dalam cuti persekolahan.

Selain dari itu penulis mencadangkan agar pihak sekolah atau Yayasan Islam Kelantan sendiri dengan kerjasama guru-guru yang berpengalaman berusaha mengadakan buku panduan mengajar yang khusus bagi mata-pelajaran bahasa Arab yang mana isi kandungannya akan merangkumi langkah-langkah yang perlu diambil oleh guru bahasa Arab, latihan-latihan serta jawapan-jawapannya, penerangan-penerangan bagi masalah-masalah tertentu dan lain-lain lagi. Dengan adanya buku panduan yang seumpama itu diharapkan guru-guru sementara, guru-guru yang tidak mempunyai kelayakan perguruan dan guru dari bidang lain akan dapat menjalankan tugas pengajaran bahasa Arab dengan lebih baik.

Buku panduan mengajar seumpama ini telah terbukti kejayaannya. Dan telah banyak membantu guru di dalam pengajaran mereka. Ini sepertimana yang terdapat pada kitab "Al'Arabiyyah li Al-Nasyiin" di mana setiap bukunya disertakan dengan buku "panduan guru".

Selain dari itu melalui "buku panduan guru" , guru yang berpengalaman yang telah berjaya mendidik ramai pelajar, berpeluang mencurahkan segala pengalamannya, yang merupakan ilmu pengetahuan yang tidak ternilai harganya. Ini bertepatan dengan falsafah pendidikan Islam yang menghendaki supaya segala ilmu pengetahuan yang memberi manfaat itu disebarluaskan seluas-luasnya. Manakala menyimpan ilmu itu tanpa menyebarkannya merupakan sesuatu yang dilarang. Ini adalah sepertimana yang telah disebutkan di dalam bab pertama.

Satu perkara lagi yang berkaitan dengan sikap guru ialah, guru menjalankan pengajaran dengan menggunakan bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar. Sebagaimana yang telah terbukti bahawa di dalam mempelajari mana-mana bahasa sekalipun persekitaran memainkan peranan yang penting di dalam kejayaannya. Jadi bagi guru bahasa Arab hendaklah sentiasa mewujudkan persekitaran Arab sekurang-kurangnya di sekolah. Kerana di negera kita hanya di sekolah sahajalah yang mengizinkan diwujudkan persekitaran Arab, iaitu dengan bantuan guru-guru bahasa Arab sendiri.

### 3- Penggunaan Alat Bantu Mengajar

Ramai di antara responden telah memberikan cadangan supaya penggunaan alat bantu mengajar dipertingkatkan di dalam pengajaran bahasa Arab. Di mana di kebanyakan sekolah menengah agama di Kelantan penggunaan alat bantu mengajar hanya terbatas kepada alat bantu tradisional yang terdiri dari kapor dan papan hitam sahaja.

Penggunaan berbagai alat bantu mengajar sangat berfaedah di dalam pengajaran bahasa, terutama sekali di dalam menarik perhatian para pelajar, memudahkan pelajar mengingati kembali apa yang dipelajari, memberikan pengalaman yang sebenar tentang apa yang dipelajari serta menyuburkan pemikiran para pelajar.<sup>1</sup>

Di samping itu ianya menjadikan pembelajaran lebih cepat dan mudah, tugas guru di dalam penerangan menjadi lebih ringan dan lebih berkesan.

Pada hari ini terdapat berbagai alat bantu mengajar yang boleh digunakan di dalam pembelajaran bahasa, seperti video, television, komputer dan bermacam-macam alat tayangan yang lain. Walau bagaimanapun penggunaan alat-alat seperti ini terbatas kepada yang berkemampuan sahaja.

Bagi sekolah-sekolah yang tertentu penggunaan alat-alat seperti di atas mungkin di luar kemampuan kerana ianya melibatkan perbelanjaan yang agak besar.

---

<sup>1</sup> Ibrahim Mutawi', Al-Wasa'il Al-Ta'limiyat, (Cairo, Maktabat Al-Nahdat Al-Masriyyat, 1983), hal.19.

Bersetujuan dengan kemampuan yang terhad bagi setengah-setengah sekolah khususnya sekolah-sekolah di bawah YIK, penulis mencadangkan supaya penggunaan alat bantu mengajar dipertingkatkan daripada hanya menggunakan kapor dan papan-papan hitam sahaja kepada beberapa alat bantu mengajar yang lain yang murah seperti penggunaan modul, peta, gambar, lakonan yang disertai oleh pelajar dan lain-lain yang dipercayai boleh meningkatkan minat dan motivasi di dalam pembelajaran.

Selain dari itu sesuai dengan penghormatan yang telah diberikan oleh Allah s.w.t. terhadap akal manusia, maka guru hendaklah memikirkan jenis alat bantu yang sesuai dengan persekitaran yang ada, agar pembelajaran akan menjadi lebih berkesan lagi.

Selain dari itu supaya pembelajaran bahasa Arab menjadi lebih berkesan maka persekitaran Arab perlulah dipertingkatkan dengan memberi perhatian yang lebih kepada aktiviti-aktiviti ko-korikulum. Di sini guru-guru bahasa Arab hendaklah memainkan peranan yang lebih cergas di dalam meningkatkan kegiatan persatuan bahasa Arab dengan mengadakan program-program yang lebih menarik dan mampu menarik lebih ramai pelajar di dalam menyertai persatuan ini.

Dengan demikian lebih ramai pelajar akan menyertai aktiviti-aktiviti bahasa ini dan akan menambahkan lagi dorongan ke arah mempraktikkan bahasa Arab di kalangan mereka sendiri. Dan seterusnya mutu pembelajaran bahasa Arab akan dapat dipertingkatkan.

Bahasa Arab sebagai bahasa wahyu dan bahasa agama Islam, kita motivasikan pelajar di dalam mempelajari bahasa Arab sebagai bahasa wahyu dan agama Islam yang mana ianya bukan sahaja untuk kepentingan kehidupan di dunia sahaja bahkan untuk kedua-duanya sekali iaitu dunia dan akhirat. Jadi apakah bentuk motivasi yang sesuai ke arah tercapainya matlamat di atas.